

## **Langkah-langkah Memupuk Semangat Patriotisme**

### **Pengenalan**

Generasi muda merupakan khazanah negara yang amat penting pada alaf ini. Mereka merupakan kesinambungan negara ke arah kecemerlangan dan mampu menjulang imej negara di persada dunia.

Justeru, semangat patriotisme perlu ditanam dalam sanubari mereka supaya semangat cinta akan negara terus kekal sampai bila-bila. Semangat ini penting dalam memastikan generasi muda yang ada pada hari ini mampu untuk merealisasikan hasrat dan misi negara yang telah diaspirasikan oleh para pemimpin pada hari ini.

### **Idea-idea Utama**

Dalam membincangkan tajuk di atas, pelbagai kaedah ataupun strategi boleh dilakukan dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda. Antaranya, dengan memberikan pendidikan mata pelajaran sejarah di bangku sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Pendidikan sejarah akan menyemaikan semangat cinta akan negara seperti yang dilakukan oleh para pejuang negara yang lepas dalam mengusir penjajah luar seperti penjajah Inggeris dan penjajah Jepun. Antaranya Tok Janggut, Tok Bahaman dan Mat Kilau.

Dalam mengupas isi ini dengan lebih mendalam, semangat patriotisme boleh disemaikan dengan kempen pembelian barang buatan Malaysia. Generasi muda wajar diasuh supaya tidak terpengaruh dengan jenama barang dari luar. Impaknya, mereka sentiasa percaya dan yakin dengan keluaran barang negeri sendiri dan sikap ini amat baik dalam menanamkan semangat patriotisme kepada mereka.

Sudah terang lagi bersuluh, semangat patriotisme dapat diterapkan melalui Program Latihan Khidmat Negara. Dalam usia yang muda ini, pelbagai pendekatan untuk sayang akan negara mestilah ditanam ke dalam jiwa mereka. Melalui program ini, mereka diberikan pendedahan di samping kekuatan jasmani dan rohani dalam erti kata sayang akan negara. Mereka juga, tidak mudah tewas untuk menjadi petualang atau pengkhianat negara pada masa hadapan.

Akhir sekali, semangat patriotisme dapat disemai dalam kalangan generasi muda melalui dokumentari yang disiarkan melalui media-media massa tentang tempat-tempat bersejarah. Generasi muda akan tahu kenapa mereka perlu sayang akan negara. Generasi muda juga akan tahu peranan mereka terhadap negara. Apabila semangat ini telah sebatи di dalam diri, mereka sanggup menabur bakti kepada negara tanpa perasaan berbelah bahagi.

### **Penutup**

Akhirul kalam, semangat patriotisme amat penting dalam kalangan generasi muda. Bak kata pepatah 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Justeru, waktu muda inilah semangat sayang akan negara perlu disemai dalam apa-apa bentuk sekalipun. Negara Malaysia yang tercinta ini, perlu disayangi, dihargai dan dipertahankan biarpun nyawa jadi taruhan. Biarlah kibaran Jalur Gemilang akan terus berkibar walaupun waktu terus berlalu dan bersilih ganti.

## **Langkah-langkah Mencegah Penyakit Demam Denggi.**

### **Pengenalan**

Malaysia kini semakin dikenali di serata dunia dengan kemajuan dan kejayaan yang dicapai. Kemajuan yang dilakar turut sinonim dengan peningkatan penyakit demam denggi di negara kita yang sentiasa mengungguli carta penyakit yang berisiko tinggi. Apa yang menyediakan, peningkatan penyakit ini semakin mendadak dari tahun ke tahun. Senario seperti ini sedikit sebanyak akan mencalarkan imej negara dan juga rakyatnya.

### **Idea-idea Utama**

Aspek kebersihan perlu ditanam dalam fikiran para penduduk di negara kita. Antaranya melalui aktiviti kemasyarakatan oleh penduduk setempat. Contohnya, aktiviti gotong-royong mampu menjadikan persekitaran bersih dan bebas daripada gigitan nyamuk aedes. Tanpa wujudnya nyamuk ini , penyakit demam denggi pasti tidak akan membelenggu para penduduk.

Pada masa yang sama, majlis perbandaran perlu bertindak dengan lebih cepat dan berdaya maju. Segala aduan tentang parit mahupun longkang yang tersumbat perlu diambil tindakan yang segera. Kelewatan pihak perbandaran dalam mengatasi perkara ini menyebabkan wujudnya kawasan pembiakan nyamuk aedes yang berleluasa. Nasi sudah menjadi bubur jika penyakit ini mulai meragut nyawa seorang demi seorang di negara kita.

Langkah yang lebih tegas perlu diambil oleh pihak berkuasa terhadap sikap sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Contohnya, longgokan tayar buruk yang berada di sekitar premis jualan mereka terbiar begitu sahaja. Air akan bertakung dan punca nyamuk aedes membiak. Golongan seperti ini perlu dikenakan denda yang tinggi agar menjadi teladan kepada masyarakat yang lain.

Akhir sekali, masyarakat itu sendiri perlu bijak dalam mengawal pembiakan nyamuk ini. Bekas-bekas takungan air diletakkan abate iaitu ubat mencegah daripada pembiakan nyamuk. Tidur dengan menggunakan kelambu jika nyamuk terlalu banyak pada waktu malam ataupun memasang ubat nyamuk.Pada masa yang sama juga mereka perlu segera ke hospital jika ada tanda-tanda menghidap demam denggi.

### **Penutup**

Tuntasnya, penyakit datang seperti ribut manakala penyakit pergi seperti semut. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Oleh itu, kebersihan persekitaran merupakan kunci utama dalam mengelakkan penyakit demam denggi daripada berlaku. Langkah pencegahan sebenarnya jauh lebih baik daripada langkah pemulihan.

## **Langkah-langkah Menangani Masalah Jerebu**

### **Pengenalan**

Keindahan alam semulajadi amat penting dalam kita menikmati kehidupan ini. Namun belakangan ini, masalah jerebu mulai melanda di negara kita saban tahun. Senario ini mestilah kita tangani kerana natijahnya amat buruk. Masyarakat terdedah kepada pelbagai jenis penyakit seperti batuk dan penyakit lelah dan pelbagai lagi.

### **Idea-idea Utama**

Pembakaran secara terbuka antara faktor utama jerebu berlaku. Para petani membakar jerami-jerami padi setelah musim menuai berakhir. Kuantiti asap ini makin betambah dan menyeliputi ruang angkasa. Justeru, sistem yang lebih praktikal untuk membuang jerami padi ini mestilah disediakan. Antaranya, mengitar semula jerami padi yang ada untuk dibuat baja ataupun makanan haiwan ternakan.

Pada masa yang sama, pihak berkuasa seperti pihak jabatan alam sekitar perlu peka terhadap pembebasan asap-asap terutama dari kenderaan berat seperti lori dan bas. Operasi demi operasi perlu dijalankan untuk menyaman pemandu yang tidak bertanggungjawab ini. Mereka hanya memikirkan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan kesan asap yang dikeluarkan secara berlebihan daripada kenderaan mereka.

Denda dan hukuman yang berat perlu dikenakan terhadap golongan yang mencemarkan alam sekitar. Senario ini untuk memberikan pengajaran kepada masyarakat supaya tidak mencemarkan keindahan alam semula jadi. Mereka perlu lebih peka dan sayang akan alam sekitar yang ada. Jerebu contohnya, menyebabkan banyak aktiviti harian kita terjejas dan berlaku penutupan sekolah.

Langkah yang terbaik boleh dilakukan dengan peranan pihak media-media massa di negara kita. Penyiaran rencana mahupun dokumentari tentang penjagaan mahupun pemuliharaan alam sekitar perlu ditanam dalam sanubari mereka. Jika minda mereka telah tertanam sikap sayang akan alam sekitar, mereka pastinya tidak mudah untuk melakukan sesuatu aktiviti seperti yang menyebabkan jerebu terjadi.

### **Penutup**

Konklusinya, langkah yang efektif perlu dijalankan untuk menangani masalah jerebu. Saban tahun rakyat di negara kita pasti dihidangkan dengan fenomena ini. Pada masa yang sama negara-negara jiran juga perlu melakukan kaedah yang sama. Jika permuaafakatan berlaku, bukan sahaja masalah jerebu dapat diselesaikan tetapi pelbagai masalah yang berkaitan alam semul jadi pasti dapat ditangani.

## **Langkah-langkah Mengekalkan Keindahan Alam Semula Jadi**

### **Pengenalan**

Malaysia antara negara yang memiliki keindahan alam semula jadi. Belakangan ini, kedapatan pelbagai punca yang mula mengikis keindahan yang ada secara perlahan-lahan. Senario ini wajar dibanteras agar keindahan yang ada tetap dapat ditatapi oleh generasi yang akan datang. Pengekalan alam semula jadi ini memerlukan kerjasama semua pihak tanpa mengira kaum.

### **Idea-idea Utama**

Keindahan alam semula jadi ini dapat dikekalkan dengan peranan pihak berkuasa dalam menangani masalah pembalakan haram. Impak daripada pembalakan haram ini amat besar seperti masalah banjir kilat dan tanah runtuh. Justeru, hukuman yang berat dan denda yang tinggi mestilah dikenakan kepada golongan ini. Pihak berkuasa juga sewajarnya tidak berkompromi dengan golongan ini.

Kerajaan juga mestilah mewartakan lebih banyak kawasan hutan simpan di negara kita. Kawasan ini berperanan besar sebagai kawasan tадahan hujan dan mengekalkan keidahan yang ada. Pada masa yang sama, habitat flora dan fauna tetap kekal terpelihara. Natijahnya, generasi yang akan datang tetap menikmati keindahan alam semulajadi yang ada pada hari ini.

Pencemaran udara yang mula melanda di negara kira wajar dititik beratkan. Pembebasan asap dari kilang dan kenderaan perlu dikawal. Cara yang paling berkesan dengan mengadakan operasi demi operasi dalam memburu golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Langkah ini amat penting supaya pencemaran yang berlaku tidak berterusan mahupun berleluasa.

Pada masa yang sama, pembinaan rumah dan kilang yang berhampiran sungai mestilah dielakkan. Hal ini demikian kerana masyarakat mengambil jalan mudah dengan membuang sampah sarap ke dalam sungai. Selain itu, pengusaha kilang turut membuang sisa-sisa toksik dalam sungai. Justeru, keindahan sungai dapat dikekalkan.

### **Penutup**

Akhirul kalam, keindahan alam sekitar perlu dikekalkan sampai bila-bila. Alam sekitar yang telah tercemar pasti mengundang pelbagai keburukan kepada kita. Pada masa yang sama keindahan yang ada dapat dinikmati daripada generasi kepada generasi yang lain. Oleh itu, hargailah alam sekitar walau di mana kita berada.